

# Pemuda meluat tindakan Dr M

## Hishammuddin sokong penuh kepemimpinan PM

Oleh Norfatimah Ahmad, Jalal  
Ali Abdul Rahim dan Sharifah  
Salwa Syed Akil

**K**UALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno semalam melahirkan perasaan meluat dan bosan terhadap sikap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang secara berterusan mengkritik Perdana Menteri.

Serentak itu, Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, menyatakan sokongan penuh pergerakan itu kepada kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden Umno.

"Sokongan Pemuda kepada beliau tidak boleh dipersoalkan, kita akan terus mempertahankan institusi parti dan memastikan perjuangannya terus relevan.

"Saya tidak akan sama sekali membenarkan tumpuan seluruh warga Pemuda terjejas disebabkan polemik yang ditimbulkan serta membiarkan pergerakan ini berbehal bahagi.

"Lagipun, banyak perlu dilaksanakan bagi merealisasikan segala perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, Pemuda Umno dan

Barisan Nasional (BN) juga akan membuktikan bahawa kerajaan BN di bawah pimpinan Abdullah tetap relevan, bertanggungjawab, komited, bekerja kuat dan bersemangat tinggi untuk memberikan kesejahteraan serta kemajuan kepada seluruh rakyat negara ini.

Hishammuddin mengulas kritikan terbaru Dr Mahathir, semalam.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menyifatkan serangan peribadi Dr Mahathir terhadap Abdullah bertujuan memberi tekanan supaya Perdana Menteri disingkir atau meletak jawatan.

"Kenyataan berbisa dan melampau bekas Perdana Menteri itu mengganggarkan bertapa beliau 'terlalu bencikan' Abdullah dan cuba memprovokasi setiap ahli Umno dan rakyat

**“ Kita akan terus mempertahankan institusi parti dan memastikan perjuangannya terus relevan”**

**Hishammuddin Hussein**  
Ketua Pergerakan Pemuda Umno

supaya 'menolak' kepemimpinannya.

"Tidak ada apa yang Perdana Menteri buat sama ada dalam kerajaan atau parti yang dia setuju dan Tun mahu menunjukkan pelbagai kelemahan Perdana Menteri... nampaknya Tun tidak mahu Perdana Menteri kekal dalam jawatannya sekarang.

"Tetapi saya yakin Tun salah kerana Perdana Menteri tidak akan tunduk kepada tekanan seperti ini," katanya.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau sudah muak dan meluat dengan sikap Dr Mahathir yang tidak habis-habis mahu mengkritik Abdullah, sedangkan majoriti pemimpin dan rakyat mahu memberi peluang kepada Perdana Menteri melaksanakan tugasnya tanpa gangguan.

"Dia mendakwa ahli parti disekat daripada menjemputnya ke majlis, tetapi sebenarnya ahli parti yang tidak mahu menjemputnya kerana mahu mengelak Dr Mahathir menggunakan peluang itu mengkritik kerajaan, jadi beliau terus membuat tuduhan mengelirukan.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique, menjelaskan budaya keterbukaan sudah lama wujud dan diamalkan dalam Kabinet Abdullah.